

Hadith Palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya di dalam Kitab-Kitab Jawi Silam dan Buku-Buku Agama Terpilih

Mohd Shukri Bin Mohd Senin^{*}

*'Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang, Johor, Malaysia*

*Pengarang Penghubung
shukrisenin@uitm.edu.my

Received: June 2020

Accepted: November 2020

Online First: December 2020

ABSTRAK

Hadith Rasulullah SAW adalah sumber kedua agama Islam selepas al-Quran. Segala yang dinyatakan di dalam hadith Rasulullah SAW akan menjadi rujukan bagi semua umat Islam di seluruh dunia. Namun, bukan semuanya yang dinyatakan sebagai hadith adalah benar-benar bersumberkan Rasulullah SAW kerana terdapat pendustaan yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW yang dinamakan sebagai hadith palsu. Kebanyakan umat Islam yang tidak mendalami ilmu-ilmu khusus berkaitan pengajian hadith akan mudah mempercayai dan mengamalkan hadith tanpa mengambil berat akan statusnya samada ianya boleh diterima sebagai hujjah dalam pengamalan ataupun ditolak. Justeru, kajian ini cuba meneliti perbahasan berkaitan hadith palsu yang berlaku di Malaysia yang merangkumi aspek perkembangannya dan aplikasinya menerusi penulisan di dalam kitab-kitab jawi silam yang kerap kali menjadi rujukan dan pengajaran kepada masyarakat Islam. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah metodologi penentuan subjek, metodologi pengumpulan data seperti metode perpustakaan, dokumentasi dan historis serta metodologi analisis



Copyright © 2020 UiTM Press.
This is an open access article
under the CC BY-NC-ND license

PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

data seperti induktif, deduktif dan komparatif. Hadith palsu sememangnya telah bertapak di Malaysia seiring dengan kemasukan dan perkembangan ilmu hadith. Kesannya dapat dilihat melalui bukti penulisan hadith di dalam kitab-kitab jawi silam. Walaupun jumlahnya tidaklah terlalu banyak tetapi pendustaan terhadap Rasulullah SAW mestalah dielakkan lantaran kecaman dan akibat penyebarannya amatlah berat dan mendapat ancaman ditempatkan di dalam neraka.

Kata Kunci: *Hadith Palsu, Perkembangan Hadith, Kitab Jawi, Mengenal Hadith, Penulisan Hadith*

ABSTRACT

The Prophet's Hadith is well known as the second source of Islam after the Quran. Everything mentioned in the hadith of the Prophet Muhammad will be taken as a source of reference to all Muslims worldwide. However, not everything said as hadith is actually the source of the Prophet's Messenger because there is a fabrication of hadith which called as fabricated hadith. Most Muslims without specialization in hadith studies will easily believe and practice the hadith without regard to its status whether it is accepted or rejected. Therefore, this study aims to examine the discussion regarding fabricated Hadith in Malaysia that cover aspects of its development and its application through writing in the Javanese books which are often being reference to the Muslim community. The methodology used in this study is subject matter methodology, data collection methodology such as library method, documentation method and historical method and data analysis methodology such as inductive, deductive and comparative. Fabricated hadiths have indeed been rooted in Malaysia since hadith studies been introduced and developed by preachers and religious leaders. The effect can be seen through the evidence of the hadith in ancient Javanese scriptures. Although the numbers of fabricated hadiths are not so great, the lies to the Messenger of Allah must be avoided because of the criticism and the consequences of its spread are very serious and the threat is placed in hell.

Keywords: *Fabricated Hadith, Hadith Development, Javanese Books, Knowing Hadith, Hadith Writing*

PENDAHULUAN

Hadith Rasulullah SAW telah diiktiraf secara ijmak bahawa ianya merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Quran (Muhammad Mustafa Azami, 1989). Pengingkaran terhadap kenyataan ini adalah umpama pengingkaran terhadap dalil-dalil *qat'i* (Muhammad Abu Zahw, t.t). Sebuah hadith Rasulullah SAW berunsur peringatan yang diriwayatkan daripada Sayyidatina 'Aisyah RA bermaksud “*Sesiapa yang membuat perkara baru dalam urusan kami ini yang tidak ada perintahnya maka perkara itu tertolak*” (*Sahih Al-Bukhārī*, hadith 2697). Ini memberi amaran bahawa setiap perkara yang tiada asasnya daripada ajaran Rasulullah SAW akan tertolak. Penulisan hadith Rasulullah SAW yang menghiasi halaman dalam buku-buku terbitan terkini yang menggunakan rujukan daripada kitab-kitab lama atau klasik tanpa pernyataan status yang jelas menyukarkan umat Islam khususnya di Malaysia untuk berpegang dan mengamalkan hadith berkaitan. Walaupun usaha takhrij dan analisis secara kritis kian banyak dilakukan oleh para pelajar diperingkat pengajian tertinggi (lanjutan) mahupun para ulama hadith yang berkeahlian, namun penyebaran hadith Rasulullah SAW yang mempunyai ciri-ciri kepalsuan yang jelas juga kian meningkat. Persoalannya adakah habuan dunia melalui keuntungan jualan buku-buku tersebut yang menjadi matlamat utama pengarang dan penerbit ataupun kekurangan ilmu yang menjadi penyebab utama pendorong ke arah penerbitannya. Walau apa jua jawapannya, berbagai usaha untuk memartabatkan dan mensucikan hadith Rasulullah SAW daripada kepalsuan dan rekaan merupakan agenda terpenting dan sangat mulia yang perlu dilakukan secara berterusan. Para Ulama hadith silam seperti pengarang kitab *sahih*, kitab *sunan* dan sebagainya telahpun menjalankan jihad dan ijtihad pemeliharaan hadith Rasulullah SAW pada zaman mereka. Justeru, usaha ini perlu dan mesti diteruskan agar kesinambungan jihad ilmu khasnya pemeliharaan hadith Rasulullah SAW agar senantiasa mendapat pembelaan yang selayaknya di sepanjang zaman.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi penentuan subjek yang memfokuskan pensejarahan hadith *mawdu'* dari segi kemunculannya, perkembangannya, faktor penyebab dan kaedah mengenalinya yang kemudiannya dikaitkan

dengan situasi di Malaysia sehingga meneliti keberadaannya di dalam penulisan kitab-kitab jawi silam. Segala data yang diperlukan, dikumpul menggunakan metodologi pengumpulan data seperti metode perpustakaan, dokumentasi dan historis. Data yang telah dikumpulkan pula dianalisis menggunakan metodologi analisis data seperti induktif, deduktif dan komparatif.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Definisi Hadith *Mawdu'*

Hadith *Mawdu'* dari sudut bahasanya membawa beberapa maksud iaitu gugur (seperti gugurlah jenayah daripadanya), tinggal (seperti unta itu ditinggalkan di ladang) atau reka (seperti si fulan telah mereka cerita ini) (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1985). Manakala secara istilahnya hadith *mawdu'* ialah hadith yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW secara palsu dan dusta sedangkan Rasulullah SAW tidak pernah berkata sedemikian, melakukan sedemikian ataupun mentaqirirkan sedemikian (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1985). Dr. Muhammad Mustafa Azami mengkategorikan hadith-hadith palsu ini kepada dua iaitu pemalsuan hadith dengan sengaja (disebut hadith *mawdu'*) dan pemalsuan hadith secara tidak sengaja (disebabkan kesilapan atau kecuaian dan disebut hadith *batil*) (Muhammad Mustafa Azami, 1989).

Hadith *Mawdu'* semasa Kehidupan Rasulullah SAW

Rasulullah SAW adalah rujukan utama bagi umat Islam pada zaman Baginda. Justeru, segala permasalahan yang berlaku yang memerlukan jawapan akan dijawab oleh Baginda SAW samada melalui wahyu Allah SWT ataupun hadith Baginda SAW. Semua hadith Rasulullah SAW pada zaman ini kekal suci dan bersih daripada unsur-unsur pendustaan atau pun penciptaan hadith yang bukan daripada kalam Baginda SAW (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1988).

Hadith *Mawdu'* selepas Kewafatan Rasulullah SAW

Bermulanya penciptaan hadith-hadith *mawdu'* adalah pada zaman selepas kewafatan Rasulullah SAW iaitu selepas perlantikan Sayyidia

‘Uthman Ibn ‘Affan RA menjadi khalifah (Muhammad Abu Zahw, t.t). Kemudian, selepas perlantikan sayyidina ‘Ali pula sebagai khalifah, berlakunya perselisihan di antara sayyidina ‘Ali Ibn Abi Talib RA dan juga Mu’awiyyah Ibn Abi Sufyan RA di dalam perperangan *Siffin* sehingga melahirkan beberapa kumpulan keagamaan dan politik (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1985) seperti syi’ah dan khawarij. Penciptaan hadith palsu ini adalah bagi menyokong kumpulan masing-masing seperti mengagungkan pemimpin kumpulan mereka setelah mendapati tiadanya ruang di dalam ayat al-Quran mahupun hadith Rasulullah SAW yang *sahih* yang mampu menunaikan keinginan mereka. Kewujudan kumpulan ini juga merupakan antara faktor wujudnya pentafsiran ayat al-Quran yang salah (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1985) dengan metodologi *al-Ra'y al-Madhmum* (pandangan akal tercela) disebabkan mereka melakukan penta’wilan berdasarkan akal semata-mata dan nafsu tanpa meletakkan kebenaran wahyu sebagai asas pentafsiran. Pada peringkat awal, kemunculan hadith palsu adalah berkaitan kelebihan empat khalifah, kelebihan ketua kelompok dan kelebihan tokoh-tokoh parti (M. ‘Ajjaj al-Khatib, 1999). Hadith-hadith tersebut adalah bagi menyokong dan membenarkan pihak masing-masing akibat daripada ketiadaan nas daripada al-Quran dan juga hadith *sahih*. Seterusnya, hadith palsu ini semakin berkembang ke ruang lingkup yang meliputi seluruh aspek kehidupan seperti praktikal ibadah, sistem muamalah, sifat zuhud, doa, rawatan, penyakit dan sebagainya (M. ‘Ajjaj al-Khatib, 1999). Jumlah hadith palsu ini amat sedikit semasa kurun pertama hijrah dimana para sahabat dan tabi’in masih hidup lagi. Mereka memiliki daya ingatan dan hafalan yang luarbiasa dan sempat menyaksikan zaman kenabian. Justeru, keimanan dan kesetiaan mereka terhadap Rasulullah SAW amat tinggi sehingga mustahil bagi mereka ini termasuk di kalangan yang memalsukan hadith Rasulullah SAW (M. ‘Ajjaj al-Khatib, 1999). Allah SWT meredhai mereka dan mereka juga redha dengan setiap ketentuan Allah sebagaimana tercatat di dalam surah al-Bayyinah ayat 8. Rasulullah SAW juga pernah menyatakan bahawa kurun yang terbaik adalah kurun Baginda SAW, kemudian kurun sesudah mereka (sahabat) dan kurun sesudah mereka (tabi’in) sebagaimana direkodkan oleh al-Bukhari yang bermaksud: *Telah menceritakan kepada kami Sa'd bin Hafs telah menceritakan kepada kami Syayban dari Mansur dari Ibrahim dari 'Abidah dari Abdullah mengatakan, pernah Nabi SAW ditanya; "Siapakah manusia yang terbaik?" Nabi SAW menjawab: "iaitu generasiku, kemudian generasi sesudah mereka, kemudian generasi sesudah mereka, kemudian akan datang suatu kaum yang kesaksian mereka*

mendahului sumpahnya, dan sumpahnya mendahului kesaksian mereka.” Kata Ibrahim: “dan kawan-kawan kami - ketika itu kami masih kecil - melarang kami bersumpah untuk melaksanakan kesaksian dan janji” (Sahih al-Bukhārī, hadith 6658)

Ciri-ciri Hadith *Mawdu'*

Antara ciri-ciri hadith *mawdu'* ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1970) di dalam kitabnya:

Kandungannya yang berkaitan perumpamaan-perumpamaan yang tidak dituturkan oleh Rasulullah SAW.

1. Seluruh pancaindera menyaksikan pendustaan tersebut seperti sebuah hadith yang bermaksud “sekiranya seorang lelaki bersin ketika menyampaikan hadith maka hadith tersebut adalah benar”. Matan hadith tersebut **”عَطَسَ الرَّجُلُ عِنْدَ الْحَدِيثِ فَهُوَ صَدَقًا“**
2. Hadith yang buruk maksudnya yang mendedahkan keadaannya untuk diperlekehkan seperti sebuah hadith yang bermaksud “kalaualah beras atau nasi itu seorang lelaki nescaya ianya tenang dan ianya tidak dimakan oleh orang yang lapar melainkan akan mengenyangkannya”. Matan hadith tersebut ialah **”لَوْ كَانَ الرَّزْ رَجْلًا لَكَانَ حَلِيْمًا، مَا أَكَلَهُ جَانِعٌ لَا أَشْبَعَهُ“**
3. Hadith yang bertentangan dengan sunnah. Setiap hadith yang kandungannya berkaitan kerosakan, kezaliman, pujian terhadap kebatilan, kejian terhadap kebenaran dan sebagainya. Contohnya adalah seperti hadith yang memuji orang yang namanya Ahmad atau Muhammad yang mana mereka ini tidak akan masuk neraka.
4. Hadith yang mendakwa bahawa Rasulullah SAW. melakukan sesuatu perkara yang nyata dengan kehadiran semua sahabat Baginda dan mereka semua bersepakat untuk menyembunyikan dan mereka tidak melakukannya.
5. Hadith yang menunjukkan kebatilannya secara nyata seperti maksud sebuah hadith “apabila Allah marah, maka Allah akan menurunkan

wahyu di dalam bahawa Parsi dan apabila Allah redha, maka Allah akan menurunkannya di dalam bahasa Arab”.

6. Hadith yang tidak menampakkan ianya adalah kata-kata para nabi. Lebih-lebih lagi kata-kata Rasulullah SAW yang merupakan wahyu seperti hadith yang bermaksud “melihat kepada wajah yang baik akan mencerahkan pandangan”.
7. Hadith yang mengandungi tarikh tertentu.
8. Hadith yang mengandungi unsur-unsur rawatan oleh pengamal perubatan seperti hadith yang bermaksud “makan ikan akan melemahkan jasad”.
9. Hadith berkaitan akal yang kesemuanya ada unsur pembohongan seperti hadith yang bermaksud “sesungguhnya seorang lelaki itu daripada kalangan ahli solat dan ahli jihad dan tidak diberikan ganjaran melainkan mengikut kadar akalnya”.
10. Hadith yang menyebut berkaitan Khidir dan kehidupannya.
11. Hadith yang mana terdapat hadith-hadith *sahih* yang membatalkannya.
12. Hadith yang bercanggah dengan nas al-Quran.
13. Hadith berkaitan solat di waktu siang dan malam.
14. Hadith yang berkaitan dengan solat di waktu malam nisfu Sya’ban.
15. Hadith yang mana lafaznya pelik dan buruk yang menimbulkan persoalan seperti hadith yang bermaksud “empat perkara yang tidak mengenyangkan empat perkara iaitu perempuan daripada lelaki, bumi daripada hujan, mata daripada pandangan dan telinga daripada berita”.
16. Hadith yang terdapat qarinah yang menunjukkan bahawa ianya adalah batil.

Hadith *Mawdu'* di Malaysia

Kedatangan Islam telah membawa satu kepercayaan terhadap ajaran yang dinyatakan di dalam al-Quran dan hadith Rasulullah SAW. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber utama yang wajib dijadikan panduan oleh seluruh umat Islam. Hadith-hadith yang bermartabat *mawdu'* banyak terdapat di dalam pelbagai karya para ulama silam dan masakini yang kebanyakannya memuatkan hadith Rasulullah SAW sebagai penguat hujjah lantaran ianya merupakan sumber kedua di dalam pendalilan hukum syara' selepas al-Quran. Karya-karya tersebut boleh dipecahkan kepada dua jenis iaitu karya yang memfokuskan hanya kepada hadith Rasulullah SAW termasuklah karya yang menghimpun matan hadith atau karya yang mensyarahkan matan hadith. Kedua ialah karya-karya yang bukan memfokuskan hanya kepada hadith-hadith Rasulullah SAW sahaja. Karya-karya ini hanya mengambil hadith untuk dijadikan sebagai penguat hujjah terhadap hasil penulisannya. Antara karya-karya yang termasuk didalam kategori ini ialah karya fiqh, tawhid atau ketuhanan, tasawuf, fadilat-fadilat amalan dan sebagainya.

Kemunculan hadith *mawdu'* di Malaysia atau Tanah Melayu adalah seiring dengan perkembangan ilmu Islam umumnya dan ilmu berkaitan hadith khususnya. Ini kerana, ajaran Islam adalah berpaksikan ajaran yang bersumberkan al-Quran dan hadith Rasulullah SAW. Justeru, setiap kali ajaran Islam itu disebarluaskan oleh para pendakwah dan ilmuwan Islam, maka setiap kali itulah hadith Rasulullah SAW disebarluaskan secara tidak langsung. Cumanya hadith-hadith Rasulullah SAW tersebut yang disebarluaskan samada melalui perantaraan lisan atau buku atau kitab itu kebanyakannya tidak dinyatakan statusnya samada ianya hadith *sahih*, *hasan*, *da'if*, *mawdu'* atau bukan hadith Rasulullah SAW. Kenyataan ini dapat diketahui setelah ramai dari kalangan para pelajar ijazah tinggi atau pun individu yang berkemahiran di dalam bidang hadith melakukan kajian terhadap hadith (dari segi hukumnya) yang terdapat di dalam kitab para ulama silam atau pun masa kini. Terdapat beberapa hasil kajian takhrij hadith yang telah dijalankan oleh pelajar ijazah tinggi Universiti Malaya khususnya kitab hadith karya ulama silam. Antara kajian tersebut adalah melibatkan karya yang bertajuk *al-Fawa'id al-Bahiyyah Fi Ahadith al-Nabawiyyah* karangan Syaykh Nuruddin al-Raniri, *Bughyah al-Tullab* karangan Sheikh Daud al-Fatani, Kitab *Hidayah al-Salikin* oleh Syaykh 'Abd Al-Samad Al-Falimbani,

kitab *al-Durr al-Thamin* karangan Syaykh Daud al-Fatani, kitab *Kasyf al-Ghummah* karya Syaykh Daud al-Fatani dan lain-lain.

Semenjak awal abad ke-17, para ulama di Alam Melayu dan Sumatera telah menghasilkan pelbagai karya bercorak agama terutama berkaitan ilmu *tasawuf* seperti Syaykh Hamzah Fansuri, Syaykh Syamsuddin al-Sumaterani dari Pasai dan Syaykh Abdul Rauf Singkel (Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, 2007). Pada abad ke-19 pula menyaksikan penghasilan tulisan berkaitan ilmu *fiqh* dan *usuluddin* yang dihasilkan oleh ulama Patani seperti Syaykh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Syaykh Muhammad bin Ismail bin Daud al-Fatani, dan ramai lagi. Antara contoh kitab *usuluddin* yang telah dikarang oleh ulama pada abad ke-19 ialah kitab ‘*Aqidah al-Najin* yang telah dihasilkan oleh Syaykh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Syaykh Wan Syamsuddin bin Syaykh Jaafar atau lebih dikenali dengan gelaran Tuan Minal. Terdapat sebanyak 91 buah hadith di dalam kitab ini yang mencakupi topik ketuhanan, kenabian, *al-Sam’iyat* dan lain-lain topik. Pelbagai gaya penulisan hadith dikesan di dalam kitab ini. Diantaranya Tuan Minal ada menyatakan status hukumnya sebagai sahibh (tidak banyak), hanya menyatakan sabda Nabi SAW sahaja tanpa perawi sahabat atau sumber ambilannya, menyatakan sumber ambilan hadith (seperti diriwayatkan oleh Abi Dawud dan al-Hakim daripada Ibn ‘Umar tetapi tanpa status hukum) dan meletakkan nama perawi di hadapan matan (Faizuri bin Abdul Latif, 2009). Berkaitan bidang hadith pula, menurut Haji Wan Mohd Saghir, penulisannya oleh para ulama Asia Tenggara pada peringkat awalnya telah dilakukan oleh dua orang tokoh utama iaitu Syaykh Nuruddin al-Raniri dan Syaykh Abdul Rauf bin al-Fansuri. Karya hadith yang terawal dan pertama yang ditulis dalam bahasa melayu yang telah ditemui ialah Kitab *al-Fawa’id al-Bahiyyah Fi Ahadith al-Nabawiyyah* karangan Syaykh Nuruddin al-Raniri. Selain dua nama tokoh ulama di atas, nama-nama tokoh ulama yang terlibat di dalam dunia penulisan hadith ialah Syaykh Abdullah bin Abdul Mubin al-Fatani, Syaykh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syaykh Nawawi al-Bantani, Syaykh Wan Ali bin Abdul Rahman Kutani al-Kalantani, Syaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Syaykh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Tuan Hussain Kedah, Syaykh Jalaluddin al-Kalantani, Syaykh Idris al-Marbawi, Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa dan lain-lain lagi (Faizuri bin Abdul Latif, 2009). Di Tanah Melayu, salah seorang ulama yang menyumbang di dalam bidang hadith ialah Syaykh Idris al-Marbawi yang dilahirkan di Makkah

pada tahun 1893 dan semasa di Kaherah, beliau telah mempelajari ilmu hadith sehingga menyempurnakan pengajian Kitab Sahih Muslim. Antara sumbangan terbesar beliau di dalam bidang hadith ialah menulis kitab *Bahr al-Mazi* yang merangkumi perbincangan berkaitan dunia dan akhirat. Kitab ini merupakan terjemahan dan ulasan lengkap kepada Kitab *Sunan al-Tirmidhi*. (Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, 2007).

Faktor Perkembangan Hadith *Mawdu'* di Malaysia

Peranan insitusi masjid sebagai pusat penyebaran ilmu Islam dapat dilihat melalui program kelas agama yang diadakan kepada masyarakat setempat (Azmi Budin, 2016). Dengan kewujudan pusat-pusat pengajian ilmu agama dan kelas-kelas agama yang dianjurkan di masjid, ilmu tersebut termasuk ilmu berkaitan hadith turut berkembang. Pendekatan pengajaran ilmu hadith yang digunakan oleh ilmuwan agama adalah mengikut kesesuaian tahap pemikiran individu yang hadir. Pengajian hadith di institusi-institusi pengajian tinggi adalah mengikut silibus tertentu dan sesuai dengan tahap pemikiran para pelajar. Manakala pengajian hadith di masjid-masjid pula adalah lebih meraikan tahap pemikiran ahli jemaah masjid yang hadir. Sekiranya masjid tersebut berada di kawasan perkampungan, maka pengajaran hadith adalah mengikut tahap pemikiran individu-individu yang berada di kampung tersebut. Sekiranya masjid tersebut berada di kawasan bandar, pengajian hadithnya perlulah meraikan tahap pemikiran masyarakat yang berada di bandar itu. Pengajian hadith di masjid pada keseluruhannya mempunyai persamaan dari segi metod, kitab yang diajar, pendekatan dan juga cara pengajiannya (Mohd Amru bin Isa, Najah Nadiah Amran, 2017).

Dengan berkembangnya ilmu hadith di pusat-pusat pengajian agama dan masjid, maka hadith-hadith yang berkemungkinan berstatus *mawdu'* juga turut berkembang.

Beberapa faktor yang mempengaruhi perkembangan penyebaran hadith *mawdu'* di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Hadith *mawdu'* berkembang seiring dengan kemasukan dan penulisan kitab-kitab berunsur keagamaan seperti kitab-kitab agama berbahasa Arab yang dibawa atau dikarang oleh para pendakwah Islam untuk tujuan pengajaran seperti kitab *Durrat al-Nasihin* oleh al-Hindi.

Begitu juga kitab agama terjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dan kitab agama karangan ulama tempatan.

2. Selain itu, hadith *mawdu'* turut berkembang seiring perkembangan majlis-majlis ilmu sama ada secara formal seperti di sekolah atau pusat pengajian tinggi atau pun tidak formal seperti ceramah, khutbah Jumaat dan sebagainya di dalam pelbagai medium penyampaian sama ada melalui media massa atau elektronik.
3. Kelemahan daripada pihak penyampai ilmu iaitu penceramah atau penulis dari sudut keahlian atau kepakaran di dalam bidang ilmu hadith akan memberi kesan terhadap penggunaan dan pengambilan hadith yang berkemungkinan berstatus *mawdu'*.
4. Kelemahan dan kekurangan ilmu berkaitan hadith dalam kalangan umat Islam mengakibatkan mereka mengambil hadith yang disampaikan tanpa menapis dan meneliti status hadith tersebut.
5. Sikap dan kecenderungan umat Islam untuk memperolehi ganjaran pahala (Firdaus Khairi Abdul Kadir, Fadzli Adam, 2019) yang sangat besar sehingga sanggup menerima semua hadith berkaitan kelebihan amalan-amalan tertentu tanpa meneliti dan mendapatkan kepastian akan kesahihannya daripada ilmuwan agama yang berkeahlian di dalam bidang hadith.

Hadith *Mawdu'* di dalam Kitab Jawi Silam Terpilih

Karya penulisan kitab-kitab agama yang telah ditulis oleh ulama Islam di Nusantara mahu pun di Tanah Melayu tidak terlepas daripada menukilkan hadith yang berstatus *mawdu'*. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui hasil penyelidikan takhrij hadith yang telah dilakukan oleh beberapa pelajar ijazah tinggi di Universiti Awam di Malaysia seperti Universiti Malaya iaitu Abdul Azis Bin Awang Kechik (2009), Mohamed Bazri Che Harun (2012), Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. (2010) dan Wan Aminurrashid Bin Wan Abd Hamid (2010). Antara hasil penyelidikan mereka dapat dilihat menerusi jadual 1 dibawah.

Jadual 1: Status Hadith di dalam Kitab-Kitab Jawi Terpilih

Bil	Nama Kitab Jawi Silam	Jumlah Hadith Dikaji	Status Hadith								
			S	SL	H	HL	D	DJ	M	TD	L
1	Kitab <i>Risalah Fi Bayan Hukm al-Bai' Wa al-Riba'</i> karangan Syaykh Abdul Qadir Bin Abdul Rahim al-Fatani.	91 (100%)	38 (42%)	C	2 (2%)	3 (3%)	13 (14%)	5 (6%)	7 (8%)	12 (13%)	11 (12%)
4	Kitab <i>Sayr al-Salikin</i> karangan Syaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani	116 (100%)	46 (40%)	-	8 (7%)	-	-	1 (1%)	31 (27%)	7 (6%)	-
5	Kitab <i>Bughyah al-Tullab</i> karangan Syaykh Wan Daud Bin Wan AbdulLlah al-Fatani	181 (100%)	108 (61%)	-	6 (3%)	-	28 (15%)	-	8 (4%)	31 (17%)	-
6	Kitab <i>Tafsir Marah Labid</i> karangan Syaykh Nawawi al-Bantani	55 (100%)	27 (50%)	-	5 (9%)	-	9 (16%)	-	3 (5%)	11 (20%)	-
7	Kitab <i>I'tiqad Orang Yang Percaya Akan Quran Dengan Turun Isa 'Alaih al-Salam</i> karangan Syaykh Abd. Qadir al-Mandili	34 (100%)	16 (47%)	-	3 (9%)	-	10 (29%)	-	1 (3%)	4 (12%)	-
9	Kitab <i>Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca al-Quran Dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati</i> karangan Syaykh 'Abd. Qadir al-Mandili	35 (100%)	14 (40%)	-	1 (3%)	-	8 (23%)	-	5 (14%)	7 (20%)	-

Petunjuk : S : Sahih, SL : Sahih Lighayrihi, H : Hasan, HL : Hasan Lighayrihi, D : Da'if, DJ : Da'if Jiddan, M : Mawdu', TD : Tidak Ditemui, L : Lain-Lain

Merujuk Jadual 1 di atas, keberadaan hadith-hadith mawdu' di dalam kitab-kitab jawi terpilih adalah jelas dan dinukilkhan oleh pengarang kitab-

kitab tersebut. Terdapat tujuh hadith *mawdu'* (8%) di dalam kitab *Risalah Fi Bayan Hukm al-Bai' Wa al-Riba*' karangan Syaykh Abdul Qadir Bin Abdul Rahim al-Fatani, 31 hadith *mawdu'* (27%) di dalam kitab *Sayr al-Salikin* karangan Syaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani, lapan hadith *mawdu'* (4%) di dalam kitab *Bughyah al-Tullab* karangan Syaykh Wan Daud Bin Wan Abdullah al-Fatani, tiga hadith *mawdu'* (5%) di dalam kitab *Tafsir Marah Labid* karangan Syaykh Nawawi al-Bantani, satu hadith *mawdu'* (3%) di dalam kitab *I'tiqad Orang Yang Percaya Akan Quran Dengan Turun 'Isa 'Alaih al-Salam* karangan Syaykh Abd. Qadir al-Mandili dan lima hadith *mawdu'* (14%) di dalam kitab *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca al-Quran Dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* karangan Syaykh 'Abd. Qadir al-Mandili.

Hadith-Hadith *Mawdu'* di dalam Buku-Buku Agama Terpilih

Hadith-hadith *mawdu'* juga turut dinukilkan oleh pengarang buku agama terkini. Kenyataan ini juga dapat dibuktikan melalui hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh penulis. (Mohd Shukri Bin Mohd Senin, 2019). Antara buku-buku tersebut yang mengandungi hadith *mawdu'* adalah seperti di dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Status Hadith di dalam Buku-Buku Agama Terpilih

Bil	Tajuk Buku-Buku Agama Terpilih	Jumlah Hadith Dikaji	Status Hadith								
			S	SL	H	HL	D	DJ	M	TD	L
1	Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia Ditulis oleh Abu Nur Muizuddin	87 (100%)	50 (58%)	6 (7%)	2 (2%)	-	14 (16%)	3 (3%)	5 (6%)	5 (6%)	2 (2%)
2	13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan Ditulis oleh Fadzli Nuruddin Mohammad	52 (100%)	15 (29%)	3 (6%)	3 (6%)	-	8 (15%)	2 (4%)	7 (13%)	1 (2%)	13 (25%)
3	Rahsia Dan Khasiat Bismillah Ditulis oleh Abdul Shukur	27 (100%)	8 (30%)	-	-	-	4 (15%)	2 (7%)	2 (7%)	-	11 (41%)
4	Rahsia Al-Fatihah ditulis oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus	26 (100%)	9 (35%)	-	-	-	9 (35%)	1 (4%)	3 (11%)	-	4 (15%)

5	Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW Ditulis oleh Said Bin Che Ros	20 (100%)	4 (20%)	2 (10%)	1 (5%)	1 (5%)	1 (5%)	2 (10%)	5 (25%)	-	4 (10%)
---	---	--------------	------------	------------	-----------	-----------	-----------	------------	------------	---	------------

Petunjuk : S : *Sahih*, SL : *Sahih Lighayrihi*, H : *Hasan*, HL : *Hasan Lighayrihi*, D : *Da'if*, DJ : *Da'if Jiddan*, M : *Mawdu'*, TD : Tidak Ditemui, L : Lain-Lain

Merujuk Jadual 2 di atas, keberadaan hadith-hadith mawdu' di dalam buku agama terpilih adalah jelas dan dinukilkkan oleh pengarang tersebut. Terdapat lima hadith *mawdu'* (6%) di dalam buku Keajaiban Solat Wajib lima Waktu, Fadilat Dan Rahsia ditulis oleh Abu Nur Muizuddin, tujuh hadith *mawdu'* (13%) di dalam buku 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan ditulis oleh Fadzli Nuruddin Mohammad, dua hadith *mawdu'* (7%) di dalam buku Rahsia Dan Khasiat Bismillah ditulis oleh Abdul Shukur, tiga hadith *mawdu'* (11%) di dalam buku Rahsia Al-Fatihah ditulis oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus dan terdapat lima hadith *mawdu'* (25%) di dalam buku Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW ditulis oleh Said Bin Che Ros.

Sejumlah 22 buah hadith *mawdu'* ini adalah berdasarkan kajian, pandangan dan kritikan ulama hadith terhadapnya. Hadith *mawdu'* ini diertikan sebagai pembohongan yang dicipta dan direka yang kemudiannya dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. Antara punca utama penetapan status sesuatu hadith itu sebagai *mawdu'* adalah disebabkan oleh perawinya yang dinyatakan sebagai pembohong (*al-kadhdhab*) dan kritikan-kritikan yang seumpamanya seperti pencipta (*wadda'*), dajjal (*dajjal*) dan berbohong (*yakdhib*).

Antara kitab-kitab yang menjadi sandaran di dalam pengambilan hadith-hadith mawdu' di dalam buku agama terpilih ini ialah:

Kitab *Al-Asrar al-Marfu'ah Fi al-Akhbar al-Mawdu'ah* oleh Mulla 'Ali al-Qari.

Kitab *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah Wa al-Mawdu'ah Wa Atharuha al-Sayyi' Fi al-Ummah* oleh Muhammad Nasir al-Din al-Albani.

Kitab *Mawsu'ah al-Ahadith Wa al-Athar al-Da'ifah Wa al-Mawdu'ah* oleh 'Ali Hasan 'Ali al-Halabi.

Kitab *Tanzih al-Syari'ah al-Marfu'ah 'An al-Ahadith al-Syani'ah al-Mawdu'ah* oleh al-Kinani.

Kitab *Al-La'ali' al-Masnu'ah Fi al-Ahadith al-Mawdu'ah* oleh al-Suyuti.

Kitab *al-Fawa'id al-Majmu'ah Fi al-Ahadith al-Mawdu'ah* oleh al-Syawkani.

Kitab *Kitab Tadhkirah al-Mawdu'at* oleh al-Maqdisi.

Kitab *al-Ziyadat 'Ala al-Mawdu'at Wa Yusamma Dhayl al-La'ali' al-Masnu'ah* oleh al-Suyuti.

Kitab *al-Mawdu'at* oleh Ibn al-Jawzi al-Qurasyiy.

Contoh Hadith-Hadith Mawdu' di dalam Buku-Buku Agama Terpilih

1. Contoh Hadith Mawdu' di dalam buku bertajuk Keajaiban Solat Wajib 5 Waktu, Fadilat Dan Rahsia ditulis oleh Abu Nur Muizuddin

Pengarang buku ini ada menukilkan sebuah hadith:

ان اعظم آية في القرآن آية الكرسي من قرأها بعث "الله ملکا يكتب من حسناته ويمحو من سيناته إلى الغد من تلك الساعة".
Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya:

"sesungguhnya seagung-agung ayat di dalam al-Quran adalah ayat Kursi. Barangsiapa yang membacanya nescaya Allah mengutus malaikat untuk menulis dari kebaikannya dan menghapus keburukan-keburukannya dan ketika itu sampai esok hari."

Hadith ini direkodkan oleh al-Wahidi dan Ibn al-Jawzi. Ibn 'Adiy menyatakan hadith ini adalah batil dan tidak diriwayatkan oleh Ibn Jurayj melainkan oleh Isma'il yang mengambil hadith-hadith batil daripada perawi *thiqah* (dipercayai). Ibn Hibban pula menyatakan beliau ini meriwayatkan hadith-hadith *mawdu'* (palsu) daripada perawi *thiqah* (dipercayai). Al-Daruqutni pula menyatakan beliau

ini *kadhdhab matruk* (pendusta dan ditinggalkan). Al-Syawkani menyatakan hadith diriwayatkan oleh Ibn ‘Adiy daripada Jabir r.a secara *marfu’* tetapi sanadnya adalah batil. Hadith ini adalah *mawdu’* (palsu) disebabkan terdapat perawi pendusta.

2. Contoh Hadith Mawdu’ di dalam buku bertajuk 13 Keajaiban Amalan Surah-Surah Pilihan ditulis oleh Fadzli Nuruddin Mohammad

Pengarang buku ini ada menukilkan sebuah hadith:

من داوم على يس كل ليلة ثم مات شهيداً“ :
Maksudnya: “Barangsiapa mengamalkan bacaan surah Yasin setiap malam lalu ia meninggal maka ia mati syahid.”

Hadith Anas Bin Malik RA ini direkodkan oleh al-Tabrani, al-Haythami, al-Syawkani, al-Suyuti dan al-Khatib al-Baghdadi. Al-Suyuti mengakui hadith ini sanadnya adalah *da’if*. Al-Haythami pula menyatakan perawi Sa’id Bin Musa al-Azdi yang terdapat di dalam jalur sanad adalah *kadhdhab* (pendusta). Al-Syawkani pula berpandangan di dalam sanad hadith ini terdapat perawi yang *muttaham* (dituduh berdusta). Dr. Basysyar ‘Awwad Ma’ruf (*pentahqiq Tarikh Baghdad*) menyatakan hadith ini adalah *mawdu’* (palsu) disebabkan perawi Sa’id Bin Musa al-Azdiyah adalah *kadhdhab* (pendusta) dan *wadda’* (pencipta hadith palsu). Disebabkan terdapat perawi pendusta maka selayaknya hadith ini dinyatakan *mawdu’* (palsu) sebagaimana pandangan al-Haythami dan Dr. Basysyar ‘Awwad Ma’ruf.

3. Contoh Hadith Mawdu’ di dalam buku bertajuk Rahsia Dan Khasiat Bismillah ditulis oleh Abdul Shukur

Pengarang buku ini ada menukilkan sebuah hadith:

وروى في تفسير الكبير عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : يا أبا هريرة اذا توضأت فقل
بسم الله الرحمن الرحيم فان حفظتك لا تستريح ان تكتب كل الحسنات حتى تقرع واذا غشيت
أهلك فقل بسم الله فان حفظتك يكتبون لك الحسنات حتى تغسل من الجنابة فان حصل لك
من تلك الواقعمة ولدا كتبت لك الحسنات بعدد انفاس ذلك الولد بعدد اعقابه ان كان له عقب
حتى لا يبقى منهم احد .“

Maksudnya: riwayat di dalam Tafsir al-Kabir dari Abu Hurairah RA Nabi bersabda: Apabila engkau berwudhuk ucapkanlah Bismillaahirrohmaanirrohim, kerana malaikat penjagamu tidak berhenti menuliskan kebajikan sehingga engkau selesai. Dan apabila engkau bersebadan pada isterimu ucapkanlah Bismillah kerana sesungguhnya malaikat penjagamu menuliskan kebajikan kepadamu sampai selesai engkau mandi junub. Jika berhasil dari persetubuhan itu anak akan dituliskan bagimu kebijaksanaan sebilangan nafasnya dan sejumlah anak cucunya. Jika ia mempunyai cucu sampai tidak yang tinggal seorang dari mereka.

Hadith ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadith mu'tabar. Pengarang buku ini mengambil riwayat ini daripada kitab Tafsir al-Razi. Hadith Abu Hurayrah RA ini direkodkan oleh al-Razi, al-Naysaburi dan Ibn al-Jawzi. Ibn al-Jawzi menyatakan hadith ini tiada asal baginya. Di dalam jalur sanadnya terdapat ramai perawi yang tidak dikenali (*majahil*). Antara perawi yang dikenali ialah Hammad Bin 'Amru yang dinyatakan oleh Yahya sebagai berdusta dan mencipta hadith palsu. Ibn Hibban pula menyatakan Hammad ini mencipta hadith palsu ke atas perawi yang *thiqah* (dipercayai). Al-Juzjani menyatakan Hammad ini adalah *yakdhib* (berdusta). Al-Nasa'i pula menyatakannya *matruk al-hadith*. Hadith ini berstatus *mawdu'* kerana terdapat perawi yang dinyatakan berdusta.

4. Contoh Hadith Mawdu' di dalam buku bertajuk Rahsia Al-Fatihah ditulis oleh Ustaz Dato Hj. Ismail Kamus

Pengarang buku ini ada menukilkan sebuah hadith:

Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

لَوْ أَنَّ الدُّنْيَا بِهَا فَيْرَ هَا بَيْدَ رَجُلٍ مِّنْ أُمَّتِي ثُمَّ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ لَكَانَ الْحَمْدُ لَلَّهِ أَفْضَلُ مِنْ ذَلِكَ

Maksudnya:

“Seandainya dunia dan seisinya diletakkan di atas tapak tangan seorang umatku, lalu orang itu berkata **رب العلمين الحمد لله** Sungguh ucapan tersebut lebih berat dan berharga dari dunia dan segala-gala yang menjadi miliknya”. (Riwayat Imam Al Qurthuby dari Anas b. Malik RA)

Hadith Anas Bin Malik RA ini direkodkan oleh Ibn ‘Asakir di dalam kitab *Tarikhnya*, al-Qurtubi, Ibn Kathir. Hadith al-Qurtubi dan Ibn Kathir ini adalah mengambil riwayat yang direkodkan oleh Ibn ‘Asakir. Al-Albani menyatakan bahawa hadith ini adalah *mawdu’* kerana di dalam jalur sanad yang direkodkan oleh Ibn ‘Asakir ini terdapat *Abu al-Mufaddal*. Al-Khatib menyatakan beliau ini meriwayatkan *ghara’ib al-hadith* (hadith yang pelik-pelik) dan soalan-soalan syaykh lalu orang ramai menulis daripadanya. Beliau juga mencipta hadith untuk golongan *al-Rafidah*. Hamzah Bin Muhammad Bin Tahir al-Daqqaq menyatakan beliau ini mencipta hadith palsu. Al-Azhari pula menyatakan beliau ini *dajjal*. Hadith ini *mawdu’* kerana terdapat perawi yang dinyatakan mencipta hadith palsu dan dinyatakan sebagai *dajjal*.

5. Contoh Hadith Mawdu’ di dalam buku bertajuk Fadilat Membaca Selawat Nabi SAW ditulis oleh Said Bin Che Ros

Pengarang ada menukilkan sebuah hadith:

Sabda Nabi SAW bermaksud:

“Tiga macam orang yang dapat memberikan syafaat pada hari kiamat ialah para nabi, para ulama dan para syuhada.”

Hadith ini telah diriwayatkan oleh ‘Uthman Bin ‘Affan RA ini diriwayatkan oleh Ibn Majah, Ibn Abi al-‘Izz dan al-‘Uqayli dan al-Naysaburi. Al-‘Uqayli ada menukilkan pandangan al-Bukhari yang menyatakan ‘Anbasah Bin ‘Abd al-Rahman (di dalam jalur sanad ini) adalah *matruk* (ditinggalkan) dan pandangan ‘Abd al-Samad Bin ‘Abd al-Warith yang menda’ifkan ‘Anbasah. Ibn al-Jawzi menukilkan beberapa pandangan pengkritik sanad berkaitan ‘Anbasah ini. Antaranya ialah *laysa bi syay*’ (pandangan Yahya), *matruk* (pandangan al-Nasa’i), *yada’ al-hadith*¹ (pandangan Ibn Abi Hatim), memiliki sesuatu yang dicipta palsu yang tidak boleh dijadikan hujah (pandangan Ibn Hibban), *da’if* (pandangan al-Daruqutni) dan *kadhdhab* (pandangan al-Azdiy). Al-Albani meletakkan status *mawdu’*

¹ Ibn Hajar al-‘Asqalani juga ada merekodkan pandangan Ibn Abi Hatim yang menyatakan ‘Anbasah ini mencipta hadith palsu. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Taqrib al-Tahdhib*, 756 (no. 5241).

bagi hadith ini. Hadith ini adalah *mawdu'* kerana di dalam sanadnya terdapat ‘Anbasah Bin ‘Abd al-Rahman yang dinyatakan sebagai mencipta hadith palsu dan pendusta.

KESIMPULAN

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh para sahabat Rasulullah SAW, *tabi'in*, *atba' al-tabi'in* dan para ulama hadith silam untuk memastikan hadith-hadith Rasulullah SAW sentiasa terpelihara daripada pendustaan. Antara usaha-usaha mereka ialah memastikan setiap riwayat-riwayat hadith mestilah disandarkan kepada sanadnya, sentiasa melakukan perbincangan sesama mereka dan berhati-hati di dalam menerima dan meriwayat hadith, memerangi golongan pendusta hadith dengan menjelaki mereka dan menghebahkannya kepada umat Islam, menjelaskan latar belakang perawi hadith dan meletakkan garis panduan di dalam mengenalpasti hadith-hadith palsu (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, 1985). Seiring dengan perkembangan ilmu hadith yang semakin berkembang, usaha-usaha daripada golongan ilmuwan Islam di Malaysia khususnya untuk memastikan penyebaran hadith-hadith palsu dapat ditangani juga semakin bertambah. Antara usaha-usaha tersebut:

1. Menjalankan kajian penyelidikan terhadap hadith Rasulullah SAW yang terdapat di dalam buku berunsur keagamaan.
2. Menghasilkan karya-karya ilmiah yang menghimpunkan hanya hadith-hadith yang diterima di sisi ahli hadith.
3. Menerangkan kepada umat Islam berkaitan hadith-hadith Rasulullah SAW khususnya berkaitan hadith *da'iif* dan *mawdu'* samada melalui wadah penulisan ataupun lisan seperti ceramah dan tazkirah di masjid atau surau, radio atau televisyen, laman sesawang atau media sosial seperti “facebook” dan sebagainya.
4. Mewujudkan pengajian hadith secara formal di institusi pengajian tinggi, pusat-pusat pengajian, sekolah, madrasah, pondok-pondok ataupun secara tidak formal seperti di masjid dan surau. Pengajian hadith secara formal dengan silibus pengajian yang tersusun dan

sistematik telah pun dilakukan di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kewujudan beberapa jabatan khusus berkaitan al-Quran dan al-Hadith di beberapa buah universiti merancakkan lagi pengajian hadith (Faisal Ahmad Shah, 2010). Antara universiti yang mempunyai jabatan al-Quran dan al-Hadith ialah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Ilmu Wahyu Dan Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia. Selain universiti, beberapa kolej Islam negeri juga turut menawarkan pengajian hadith seperti Kolej Universiti Antarabangsa Selangor dan beberapa kolej lain (Faisal Ahmad Shah, 2010). Pengajian hadith secara tradisional juga telah diamalkan di Malaysia seperti pengajian di pondok-pondok. Antara pusat pengajian pondok yang terdapat di Malaysia ialah Pusat Pengajian Pondok, Kandis, Bachok di Kelantan (Faisal Ahmad Shah, 2010), Pusat Pengajian Pondok al-Madrasah al-Latifiyyah di kampung Kuak Hulu, Pengkalan Hulu di Perak (Faisal Ahmad Shah, 2010), Pondok Lubuk Tapah di Kelantan (Faisal Ahmad Shah, 2010) dan lain-lain. Selain itu, pengajian hadith juga telah diamalkan di Madrasah Miftah al-'Ulum, Bandar Baru Seri Petaling, Pusat Pengajian al-Quran Darul Kautsar, Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI), Madrasah al-Quran Kubang Bujuk di Kuala Terengganu, Darul al-'Ulum Li Ihya 'Ulum al-Din, Langgar di Kedah dan lain-lain (Faisal Ahmad Shah, 2010).

5. Mewujudkan Sistem pencarian dan penentuan martabat Hadith melalui penggunaan teknologi maklumat. Beberapa laman sesawang di Malaysia telah pun mewujudkan koleksi atau himpunan hadith-hadith dengan dinyatakan sumbernya, terjemahan, status hukumnya dan pengajaran daripada hadith tersebut. Antara laman sesawang tersebut ialah <http://www.islam.gov.my/e-hadith> yang dikendalikan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://semakhadith.com/> yang dikendalikan oleh tim semakhadith.com, <http://sigir.uitm.edu.my/webhadith/> yang dikendalikan oleh Universiti Teknologi Mara dan lain-lain. Selain laman sesawang, terdapat juga aplikasi hadith yang boleh digunakan melalui telefon pintar. Antara aplikasi hadith yang telah pun dihasilkan dan sedang ditambahbaik penggunaannya ialah aplikasi Digital Hadith yang menghimpunkan hadith-hadith dalam bentuk digital bertemakan ilmu daripada *Sahih*

al-Bukhari, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, serta himpunan hadith-hadith *mawdu'* (palsu) daripada pelbagai sumber yang menfokuskan kepada beberapa aspek autentikasi hadith. Lima aspek autentikasi yang difokuskan ialah aspek teks (matan) al-hadith, aspek terjemahan bahasa malaysia, aspek visualisasi dan keterangan *sanad al-hadith* (rantaian perawi-perawi hadith), aspek sumber dan aspek *fiqh al-hadith* (pengajaran hukum dari hadith). Aplikasi ini masih lagi di dalam fasa pembangunan dan akan dinaik taraf dari semasa ke semasa. Aplikasi ini merupakan projek utama Preserving the Authenticity of The Digital Hadith RP003B-14HNE di bawah kumpulan kajian hadith digital Jabatan al-Quran dan al-Hadith Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Aplikasi Mobil Smart Hadith pula dibangunkan dengan kerjasama antara Suruhanjaya Multimedia Malaysia (MCMC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Aplikasi ini merupakan satu platform yang mudah digunakan oleh pengguna bagi mendapatkan hadith yang sah. Terdapat pelbagai koleksi hadith berdasarkan kitab, bab, perawi dan lain-lain lagi.

Semoga dengan pelbagai usaha yang dijalankan dan digerakkan secara bersama oleh segenap lapisan masyarakat Islam di Malaysia khususnya dapat membantu meletakkan martabat hadith Rasulullah SAW di tempat yang mulia sebagaimana mulianya Rasulullah SAW di sisi Allah SWT.

RUJUKAN

- Abdul Azis Bin Awang Kechik. (2009). Hadith-Hadith Dalam Bughyah al-Tullab Karangan Syaykh Daud al-Fatani (Jilid Dua): Takhrij Dan Analisis. Disertasi Master. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid. (2007). Drs. Abdul Ghani Azmi Bin Idris: Tinjauan Terhadap Sumbangan Dan Penulisan Beliau Dalam Majalah Pengasuh Mengenai Ilmu Hadith. *Jurnal Usuluddin*, 25: 61.
- Ahmad Muhammad Syakir. (t.t). *al-Ba'ith al-Hathith Syarh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith Li al-Hafiz Ibn Kathir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bukhārī, Abī ‘Abdīlāh Muhammād b. Ismā’īl. (1400H). *Sahih al-Bukhārī*. Qahirah: al-Maktabah al-Salafiyyah.

Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahmān Bin Abi Bakr. (1979M/1399H). *Tadrib al-Rawī Fi Syarḥ Taqrīb al-Nawawī*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahmān Bin Abi Bakr. (1996 M/1417H). *Tadrib al-Rawī Fi Syarḥ Taqrīb al-Nawawī*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Tirmidhi, Muhammād Bn ‘Isā Bn Sawayh. (t.t.). *Sunan al-Tirmidhi*. Riyad: Maktabah al-Ma’arif.

Azmi Budin. (2016). Keberkesanan Kelas Takmir Dalam Pengajian Hadith Di Masjid Daerah Melaka Tengah: Pendekatan Dan Penambahbaikan. *Jurnal ‘Ulwan*. 88-110.

Badaruddin Haba. (2012). Kajian Hadith Dalam Kitab Tafsir Marah Labid Karya Syaykh Nawawi al-Bantani: Tumpuan Kepada Surah al-Baqarah. Disertasi Master. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Digital Hadith. <https://apkpure.com/digitalhadith-kitab-ilmu/com.mohdizham.digitalHadith>. Diakses pada 21 Jun 2020.

Faisal Ahmad Shah. (2010). *Pengajian Hadith Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Faizuri bin Abdul Latif. (2009). Tradisi Penulisan Hadith Dalam Karya ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin. *Jurnal Usuluddin*. 30: 98, 101-106.

Firdaus Khairi Abdul Kadir, Fadzli Adam. (2019). Hadith Palsu : Kajian Terhadap Faktor Penyebaran Dan Cara Mengatasinya. *Proceedings Of The International Conference On Islamic Civilization And Technology Management*. 507-516

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, (1970).al-Manar al-Munif Fi al-Sahih Wa al-Da’if, tahqiq ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah. t.t.p: t.p.

Jawiah Dakir. (2009). Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij Dan Analisis. *Jurnal Usuluddin*. 29: 122.

Koleksi Hadith Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://www.islam.gov.my/e-hadith>. Diakses pada 21 Jun 2020

M. ‘Ajjaj al-Khatib. (1999). Hadith Nabi Sebelum Dibukukan. Jakarta: Gema Insani Press.

Mohamed Bazri Che Harun. (2012). Hadith-Hadith Dalam Karya Syeikh ‘Abd. Qadir al-Mandili: Takhrij Dan Analisis. Disertasi Master. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Amru bin Isa, Najah Nadiah Amran. (2017). Pengajian Hadith di Masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat*. 14-20.

Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. (2010). Hadith-hadith Muamalat Maliyyah Dalam Kitab-kitab Jawi Terpilih: Takhrij Dan Analisis. Tesis P.hD. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Shukri Bin Mohd Senin. (2019). Takhrij Hadith Masyhur Berkaitan Al-Fada’il: Kajian Kefahaman Dan Pengamalannya Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Di Negeri Johor. Tesis P.hD. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad Abu Zahw. (t.t). *Al-Hadith Wa al-Muhaddithun Aw ‘Inayah al-Ummah al-Islamiyyah Bi al-Sunnah al-Nabawiyyah*. T.T.P: T.P.

Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib. (1985). *Al-Mukhtasar al-Wajiz Fi ‘Ulum al-Hadith*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib. (1988). *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*. Qahirah: Umm al-Qura.

Muhammad Bin Muhammmad Abu Syahbah. (t.t.). *al-Wasit Fi ‘Ulum Wa Mustalah al-Hadith*. T.T.P: T.P.

Muhammad Mustafa Azami. (1989). *Kajian Metodologi Dan Penulisan Hadith*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Muslim, al-Imam Abi al-Husayn Muslim Bin al-Hajjaj al-Qusyayriy al-Naysaburiy. (1993). *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya’ al-Kutub al-’Ilmiyyah.

Mutiara Hadith. <http://sigir.uitm.edu.my/webhadith/>. Diakses pada 21 Jun 2020.

Semak Hadith. <http://semakhadith.com/>. Diakses pada 21 Jun 2020.

Subhi al-Salih. (1996). *‘Ulum al-Hadith Wa Mustalahuhu*. Bayrut: Dar al-’Ilm Li al-Malayin.

Wan Aminurrashid Bin Wan Abd Hamid. (2010). Hadith-Hadith Dalam Kitab Sayr al-Salikin Karangan Syaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani: Satu Kajian Dalam Bab Solat. Disertasi Master. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.